

Headline	Firhan yakin THT ke final		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	54
ArticleSize	469 cm ²	Journalist	Naqib Nor Said
PR Value	RM 48,315		



Firhan yakin THT ke final

➔ Bersedia
kecewakan
UniKL separuh
akhir kedua

Oleh Naqib Nor Said
naqib@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Penyerang Pasukan Hoki Terengganu (THT), Firhan Ashari yakin pasukannya mampu bangkit mencatat kemenangan menjelang separuh akhir kedua Piala TNB berdepan pasukan Universiti Kuala Lumpur (UniKL), petang ini.

Walaupun terpaksa dua kali bangkit daripada ketinggalan sebelum mengikat UniKL 4-4 pada aksi pertama kelmarin, namun penyerang kebangsaan itu percaya THT berhak mendapat keputusan lebih baik apatah lagi ketika itu mereka gagal

beraksi dengan baik.

"Pada saya pasukan tiada masalah," jawabnya sebaik ditanya sekiranya dia dan rakan sepasukan berdepan masalah dalam. "Apa yang saya dapat simpulkan memang permainan

kami tidak menjadi semalam (kelmarin).

"Ia bukan sekali, malah sebelum ini dalam pertemuan pusingan kedua liga tempohari kami turut terikat dengan UniKL (2-2), tetapi saya yakin kami tiada masalah untuk ke final," katanya semalam.

Pada aksi separuh akhir pertama di Stadium Tun Razak, kelmarin, empat jaringan THT dihasilkan B Namasivayam pada minit ke-15, Jang Jonghyun (17, 60) dan Fitri Saari (35).

Hoki moden

Gol UniKL pula menerusi S Selvaraju (14), Aleem Bilal (33), Ashran Hamsani (35) dan gol penalti Najmi Farizal Jazlan (45).

Malah, dia yang kembali bersama THT pada musim ini selepas setahun menukar angin bersama Sapura pada musim

lalu, menyifatkan kelebihan UniKL terletak pada kemampuan pengendalinya Arul Selvaraj yang bijak merencanakan strategi.

"Saya lihat UniKL ini ialah pasukan mereka mempunyai struktur yang bagus, ia disebabkan jurulatihnya (Arul) bagus dan faham cara hoki moden. Tetapi saya tetap yakin kami mampu menafikan hasrat mereka ke final."

Untuk pertemuan petang ini, THT dijangka menurunkan kesebelasan utama sama seperti terikat dengan UniKL kelmarin tatkala tahap kecergasan peledak berbisanya, Faizal Saari terus diragui biarpun turun beraksi sekejap pada aksi sebelum ini.

Sementara itu, satu lagi pertemuan akhir menyaksikan TNB tiada pilihan selain perlu

bangkit mencari gol awal apabila bertemu Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) yang membawa kelebihan satu gol selepas tewas 1-0 pada aksi pertama.

Headline	Firhan yakin THT ke final		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	54
ArticleSize	469 cm ²	Journalist	Naqib Nor Said
PR Value	RM 48,315		

[FOTO BERNAMA]



Pemain THT, Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil (kiri) diasak pemain UniKL, Muhammad Marhan Mohd Jalil pada perlawanan separuh akhir pertama, kelmarin.